



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

JAWATAN KOSONG GRED UTAMA C (TERBUKA)

Permohonan untuk mengisi jawatan di **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan:

1. Gelaran Jawatan : Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Sukan Negara (ISN)
Gred Utama C (Terbuka)
2. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
3. Taraf Jawatan : Kontrak/ Peminjaman / Pertukaran Sementara
4. Elaun dan Kemudahan : Kadar bayaran elaun dan kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang berkuat kuasa.
5. Syarat Lantikan : Berumur tidak melebihi 55 tahun pada tarikh tutup iklan.

Kelayakan akademik:

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) / Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu:

Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat tambahan:

- i. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kelulusan dalam bidang Sukan/ Perubatan/ Psikologi/ Nutrisi/ Pentadbiran Awam/ Pentadbiran Perniagaan/ Kewangan/ Perakaunan/ Sumber Manusia dan Pembangunan Organisasi;

- ii. Mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 20 tahun dalam sektor awam atau swasta;
- iii. Kebolehpayaan membangun dan menyelaraskan penyediaan dan pengurusan dokumen dan laporan rasmi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris seperti surat rasmi, minit mesyuarat, laporan, pembentangan dan kertas dasar;
- iv. Memiliki pemikiran analitikal, kritikal, kreatif, inovatif dan matang dalam membuat keputusan;
- v. Mahir dalam perundingan dan mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan dengan penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik;
- vi. Mempunyai kematangan emosi dan sikap asertif dalam memimpin pasukan dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat dan objektif tugas;
- vii. Mampu melaksanakan pelbagai tugas yang berganda dengan kemahiran organisasi yang cemerlang;
- viii. Mempunyai keterampilan peribadi yang baik, jaringan hubungan dan kerjasama dengan pelbagai pemegang taruh;
- ix. Bersikap terbuka dan mempunyai minat yang tinggi untuk mendalami pelbagai ilmu pengetahuan serta mempunyai inisiatif mencari penyelesaian;
- x. Kemahiran pengurusan acara adalah suatu kelebihan;
- xi. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/ tiada rekod jenayah dan berintegriti; dan
- xii. Mempunyai tahap kesihatan yang baik.

Kelayakan tambahan khusus kepada **penjawat awam**:

- i. Pegawai telah dilantik tetap dan disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai markah prestasi purata sekurang-kurangnya 90% dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga tahun berturut-turut (2021, 2022 dan 2023);
- iii. Mempunyai kompetensi yang sesuai dengan bidang tugas yang dimohon;
- iv. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib atau tindakan SPRM;
- v. Pegawai mempunyai tahap kesihatan yang baik; dan
- vi. Pegawai yang sedang memangku atau berada dalam zon pemangku adalah **TIDAK LAYAK** untuk memohon.

6. Fungsi / Bidang Tugas

(untuk senarai penuh fungsi ISN, sila rujuk Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729])

- i. Menerajui, merancang dan melaksanakan hala tuju pembangunan organisasi bagi memastikan Institut/ Agensi mematuhi dasar dan arahan semasa Kerajaan seperti yang telah ditetapkan selaras dengan objektif penubuhannya.
- ii. Menerajui dan memantau perkhidmatan sains, perubatan dan teknologi sukan mengikut piawaian yang telah ditetapkan selaras dengan objektif penubuhan Institut Sukan Negara (ISN).
- iii. Menerajui pengurusan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.
- iv. Menerajui pendidikan profesional bagi meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan di peringkat ISN.

8. Lokasi Kekosongan : Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

9. Jangkaan Kekosongan Jawatan : **25 Februari 2025**

10. Tarikh Tutup Permohonan : **20 Disember 2024**

CARA MEMOHON:

- (a) Bagi orang awam dan calon sektor swasta, calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen-dokumen yang telah **disahkan oleh Pesuruhjiaya Sumpah/ Pegawai Kerajaan** seperti berikut:
- i. Borang Permohonan Jawatan;
 - ii. *Curriculum Vitae/ Resume*;
 - iii. Senarai tugas/ deskripsi tugas yang terkini; dan
 - iv. Salinan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah
- (b) Bagi calon sektor awam, calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing berserta dokumen-dokumen yang telah **disahkan oleh Pesuruhjiaya Sumpah/ Pegawai Kerajaan** seperti berikut:
- i. Borang Permohonan Jawatan;
 - ii. *Curriculum Vitae/ Resume*;
 - iii. Senarai tugas/ deskripsi tugas yang terkini; dan
 - iv. Salinan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Doktor Falsafah
- (c) Semua Permohonan yang lengkap diisi berserta dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 5, Menara KBS,
No 27 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya
(u.p.: Puan Rai'dah binti Mohd Yaman)

TEMU DUGA

Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh **tiga minggu (3)** daripada tarikh tutup iklan. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

KEPUTUSAN

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja.

PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi Puan Nur Fariza binti Husaini (fariza@kbs.gov.my / 03-8871 3027) atau Encik Zakaria bin Rosni (zakaria.rosni@kbs.gov.my / 03-8871 3555).